

**MAJLIS PERBANDARAN KAJANG  
TAWARAN SEBUT HARGA**

Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang memiliki **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK)**, dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dari **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan berkaitan dan memiliki **Sijil Taraf Bumiputera** dari **Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)**, atau syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dalam bidang dan jenis pendaftaran yang berkaitan bagi perolehan yang berkenaan. Kontraktor/syarikat juga perlu berdaftar dengan **Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Selangor** dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/perkhidmatan/bekalan berikut:

No. Sebut Harga	Tajuk Projek	Pendaftaran dan Taraf	Gred, Kategori Dan Pengkhususan	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj S63/2026	Panel Kontraktor Bagi Perkhidmatan Penyelenggaraan Pokok Teduhan Di Kawasan MPP Zon 15, Majlis Perbandaran Kajang	KKM	221002	RM100.00	30 April 2026 Hingga 14 Mei 2026
MPKj S64/2026	Panel Kontraktor Bagi Perkhidmatan Penyelenggaraan Pokok Teduhan Di Kawasan MPP Zon 16, Majlis Perbandaran Kajang				
MPKj S65/2026	Panel Kontraktor Bagi Perkhidmatan Penyelenggaraan Pokok Teduhan Di Kawasan MPP Zon 17, Majlis Perbandaran Kajang				
MPKj S66/2026	Panel Kontraktor Bagi Perkhidmatan Penyelenggaraan Pokok Teduhan Di Kawasan MPP Zon 18, Majlis Perbandaran Kajang				
MPKj S67/2026	Panel Kontraktor Bagi Perkhidmatan Penyelenggaraan Pokok Teduhan Di Kawasan MPP Zon 19, Majlis Perbandaran Kajang				
MPKj S68/2026	Panel Kontraktor Bagi Perkhidmatan Penyelenggaraan Pokok Teduhan Di Kawasan MPP Zon 20, Majlis Perbandaran Kajang				
MPKj S69/2026	Panel Kontraktor Bagi Perkhidmatan Penyelenggaraan Pokok Teduhan Di Kawasan MPP Zon 21, Majlis Perbandaran Kajang				
MPKj S70/2026	Panel Kontraktor Bagi Perkhidmatan Penyelenggaraan Pokok Teduhan Di Kawasan MPP Zon 22, Majlis Perbandaran Kajang				
MPKj S71/2026	Panel Kontraktor Bagi Perkhidmatan Penyelenggaraan Pokok Teduhan Di Kawasan MPP Zon 23, Majlis Perbandaran Kajang				
MPKj S72/2026	Panel Kontraktor Bagi Perkhidmatan Penyelenggaraan Pokok Teduhan Di Kawasan MPP Zon 24, Majlis Perbandaran Kajang				

No. Sebut Harga	Tajuk Projek	Pendaftaran dan Taraf	Gred, Kategori Dan Pengkhususan	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj S73/2026	Panel Kontraktor Bagi Perkhidmatan Penyelenggaraan Pokok Teduhan Berisiko/Berbahaya Di Jalan Utama, Jalan Persekutuan Dan Jalan Negeri Di Kawasan Hulu Langat, Cheras Dan Kajang, Majlis Perbandaran Kajang	KKM	221002	RM100.00	30 April 2026 Hingga 14 Mei 2026
MPKj S74/2026	Panel Kontraktor Bagi Perkhidmatan Penyelenggaraan Pokok Teduhan Berisiko/Berbahaya Di Jalan Utama, Jalan Persekutuan Dan Jalan Negeri Di Kawasan Bangi, Semenyih, Hulu Semenyih Dan Beranang, Majlis Perbandaran Kajang				
MPKj S75/2026	Panel Kontraktor Bagi Perkhidmatan Pelupusan Tunggul Pokok Berbahaya Di Kawasan Pentadbiran, Majlis Perbandaran Kajang				

#### DOKUMEN MEJA TAWARAN

Penyebut Harga boleh merujuk Dokumen Meja Tawaran di laman sesawang Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) di <https://www.mpkj.gov.my/index.php/ms/>.

Penyebut Harga terlebih dahulu dikehendaki mendaftar secara dalam talian di laman sesawang <https://tender.selangor.my> dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sebelum membeli Dokumen Tawaran. Penyebut Harga adalah diwajibkan membuat pendaftaran sebagai kontraktor/syarikat di dalam sistem e-QTender secara dalam talian melalui pautan ini <https://eqtender.mpkj.gov.my/Account/Register#registration>.

Sila pastikan **MAKLUMAT SYARIKAT** (nombor telefon yang boleh dihubungi dan email) di dalam Sistem Tender Online Selangor 2.0 **DIKEMASKINI**.

**Pembelian Dokumen Tawaran secara dalam talian adalah wajib melampirkan salinan resit asal bayaran dan no siri dokumen semasa tarikh tutup sebut harga. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di muka surat hadapan dokumen. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan Dokumen Tawaran ditolak.**

Tempoh penjualan Dokumen Tawaran adalah pada **30 APRIL 2026 HINGGA 14 MEI 2026**. Dokumen Tawaran tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut.

#### TARIKH PENYERAHAN

Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertanda dengan tajuk kerja berkenaan dan **dimasukkan ke dalam Peti Tawaran** atau menggunakan perkhidmatan Pos Berdaftar/Kurier dan memastikan Dokumen tersebut selamat tiba **SEBELUM atau PADA 14 MEI 2026 (KHAMIS) JAM 12.00 TENGAH HARI** di alamat:

**Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Kajang  
(Peti Sebut Harga/Tender)  
Tingkat 4  
Bahagian Pengurusan Kontrak dan Ukur Bahan  
Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih  
Off Jalan Semenyih  
43000 Kajang  
Selangor Darul Ehsan**

Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

Pihak tuan/puan digalakkan menghantar Dokumen Tawaran seawal tiga (3) hari bekerja sebelum tarikh tutup yang telah ditetapkan.

#### LAWATAN TAPAK

Lawatan tapak adalah tidak diwajibkan. Namun begitu, Penyebut Harga dinasihatkan supaya melawat tapak projek sebelum mengemukakan sebut harga bagi mengetahui lebih lanjut mengenai keadaan tapak bina yang akan dihadapi. Sebarang tuntutan akibat kesilapan dalam menentukan kaedah pembinaan atau menghargakan sebut harga disebabkan kekurangan pengetahuan mengenai keadaan tapak bina tidak akan dilayan.